



KP(BS) 8591/Jld.XVIII (4)

14 Jun 2002

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 4/2002 :
Pelaksanaan Program Sekolah Selamat

Kementerian Pendidikan Malaysia telah melancarkan Program Sekolah Selamat untuk dilaksanakan oleh semua sekolah di seluruh negara. Tujuan utama pelaksanaan program ini ialah untuk mewujudkan persekitaran sekolah agar warga sesebuah sekolah itu merasa selamat untuk menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta menjalankan kegiatan kokurikulum tanpa gangguan dari mana-mana pihak sama ada dari luar mahu pun dari dalam. Aspirasi Sekolah Selamat menjadikan sekolah sebagai tempat di mana perbezaan budaya dan nilai setiap individu atau kumpulan dihargai oleh semua pihak, di samping amalan menjaga keselamatan dijadikan budaya dalam kehidupan seharian.

2. Sehubungan dengan ini, semua Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Bahagian/Daerah, Pengetua dan Guru Besar adalah diarah supaya mengambil langkah wajar dengan mengadakan perancangan yang rapi untuk melaksanakan Program Sekolah Selamat di semua sekolah rendah dan sekolah menengah.

3. Untuk pelaksanaan Program Sekolah Selamat panduan-panduan berikut hendaklah diberi perhatian.

3.1 Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Bahagian/Daerah

- 3.1.1 Bagi tahun 2002 sebanyak 20% daripada bilangan sekeolah rendah dan menengah Program Sekolah Selamat dengan mengambilkira bilangan yang sama rata antara sekolah di dalam bandar dan luar bandar.
- 3.1.2 Mulai tahun 2003 semua sekolah di seluruh negara hendaklah melaksanakan Program Sekolah Selamat.
- 3.1.3 Jawatankuasa Khas Sekolah Selamat hendaklah ditubuhkan di Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Bahagian/Daerah.
- 3.1.4 Fungsi jawatankuasa ini adalah merancang, menasihati, memantau dan melapor mengenai pelaksanaan Program Sekolah Selamat.
- 3.1.5 Mewujudkan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang boleh membantu mempertingkatkan keselamatan di sekolah.
- 3.1.6 Jabatan Pendidikan Negeri hendaklah mendedahkan konsep dan kaedah pelaksanaan Sekolah Selamat ke semua sekolah.


3.2 Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah

- 3.2.1 Menubuhkan Jawatankuasa Sekolah Selamat peringkat sekolah yang keahliannya terdiri daripada warga sekolah dan juga wakil-wakil daripada masyarakat sekitar sekolah serta agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan.
- 3.2.2 Guru Kaunseling/Guru Bimbingan sekolah hendaklah dilantik sebagai Setiausaha kepada jawatankuasa ini dan juga berperanan sebagai penggerak utama Program Sekolah Selamat.
- 3.2.3 Mendapatkan nasihat dari Sekolah-sekolah Projek Rintis yang ada di setiap negeri.
- 3.2.4 Memberi pendedahan kepada semua warga sekolah mengenai maksud dan tujuan Program Sekolah Selamat ini diadakan.
- 3.2.5 Mengadakan sesi taklimat kepada agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan serta komuniti setempat yang boleh membantu mempertingkatkan keselamatan di sekolah melalui Program Sekolah Selamat.

4. Sila maklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Bahagian/Daerah dan Pengetua serta Guru Besar sekolah di bawah pentadbiran Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan.

Sekian. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



DATUK ABDUL RAFIE BIN MAHAT
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

- s.k
1. Y.B. Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad
Menteri Pelajaran Malaysia
 2. Y.B. Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
 3. Y.B. Dato' Hon Choon Kim
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
 4. Y.B. Dato' Mahadzir bin Mohd Khir
Setiausaha Parliman, Kementerian Pendidikan Malaysia
 5. Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Malaysia
 6. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 7. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 8. Ketua-Ketua Bahagian, Kementerian Pendidikan Malaysia
 9. Ketua Jemaah Nazir Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia
 10. Ketua Perhubungan Awam, Kementerian Pendidikan Malaysia